

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' ABDUL HALIM BIN
SULEIMAN**

TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah Kementerian untuk memastikan pengusaha Pusat Lesen Memandu untuk menerima dan memproses permohonan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2/B1 kepada B Penuh (B Full).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) akan memastikan Institut Memandu (IM) memberi kerjasama penuh dalam pelaksanaan **Program Khas Peralihan Lesen Kelas B** dengan memastikan setiap calon yang layak dapat menjalani Program berkenaan dengan lancar dan jayanya.
2. Setakat 27 November 2024, sejumlah **177 Institut Memandu (IM)** daripada **245 IM** telah terlibat dalam menawarkan program peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 kepada Kelas B. Dalam tempoh yang sama, seramai **5,477** orang calon telah menduduki program peralihan dengan **4,225 (77%)** calon telah lulus dan **1,251 (23%)** telah kandas proses ujian.
3. Program ini ditawarkan secara pilihan kepada mana-mana IM yang berminat berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. MOT dan JPJ akan sentiasa memantau pelaksanaan program ini dan tindakan akan diambil kepada mana-mana IM yang telah memberikan komitmen dalam pelaksanaan program ini tetapi gagal untuk menerima dan memproses permohonan daripada orang awam.

Sekian, terima kasih.